

15 MAY 2000

Mahkamah-Mirzan

TIDAK PERLU KEMUKA BUTIRAN LANJUT, MAHKAMAH PUTUSKAN

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Mahkamah Rayuan hari ini membuat keputusan bahawa tidak perlu bagi syarikat percetakan, Star Papyrus Sdn Bhd, mengemukakan butiran lanjut bagi pembelaan dalam kes saman libel yang dikemukakan oleh ahli perniagaan Mirzan Mahathir.

Mahkamah mengandungi tiga hakim yang diketuai oleh Hakim Datuk Gopal Sri Ram membuat keputusan itu selepas membenarkan rayuan oleh Star Papyrus terhadap perintah oleh penolong kanan pendaftar yang dikekalkan oleh hakim Mahkamah Tinggi Datuk Dr R.K.Nathan bahawa pembelaan pembela akan diketepikan jika gagal mengemukakan butiran kepada Mirzan.

Mahkamah selama dua hari bermula Jumaat telah mendengar rayuan syarikat percetakan itu terhadap keputusan Nathan bahawa syarikat harus mengemukakan butiran seperti diarah oleh penolong kanan pendaftar.

Bagaimanapun, Sri Ram, yang bersidag bersama Hakim Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Hakim Datuk Haidar Mohamed Noor, berkata rayuan syarikat percetakan mengenai perkara itu dibenarkan selaras dengan persetujuan oleh kedua-dua pihak.

Mirzan, pengerusi eksekutif kumpulan Konsortium Perkapalan Berhad, menyaman Star Papyrus bagi RM150 juta berhubung dengan artikel bertajuk "Mahathir's Eldest Son Limits Ambition" yang disiarkan di muka depan Asian Wall Street Journal (AWSJ) keluaran 4 Jan tahun lalu.

Dalam kenyataan pembelaan, Mirzan berkata reputasinya telah teruk terjejas akibat penerbitan artikel itu.

Mahkamah Rayuan, yang menyampaikan keputusannya selepas mendengar hujah daripada peguam, Robert Lazar, bagi syarikat percetakan, dan Datuk V.K.Lingam bagi Mirzan, juga mengenyepikan perintah Nathan berhubung engan kos terhadap Star Papyrus.

Sri Ram juga mengarahkan supaya kes itu disebut esok untuk menetapkan tarikh perbicaraan selepas enam bulan mulai hari ini bagi membolehkan kedua-dua pihak menyelesaikan dahulu semua isu "interlocutory".

Star Papyrus, anak syarikat Star Publications (M) Berhad, ialah syarikat yang mencetak AWSJ edisi Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

SBB AHH FAZ